

Kerjasama dua sektor berjaya: PM

B.H 03 JUN 1993

Oleh Kamal Ahmad dan Wee You Lee

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerjasama di antara sektor swasta dan awam melalui Dasar Persyarikatan Malaysia yang diperkenalkan sejak 10 tahun lalu membawa kejayaan besar dalam pembangunan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dasar itu, yang berupa susulan usaha menjadikan industri sebagai kegiatan utama ekonomi negara, berjaya mengekalkan pertumbuhan melebihi tujuh peratus setahun sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Kejayaan itu juga disokong menerusi kerjasama dan persefahaman di antara sektor awam dan swasta yang menjadi kunci utama pelaksanaan dasar ini," katanya berucap melancarkan serentak buku 'Berurusan Dengan Perkhidmatan Awam Malaysia' dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 3 Tahun 1993 bertajuk 'Panduan Mengenai Piagam Pelang-

gan' di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, jika dasar perindustrian negara ketika itu terus bergantung kepada eksport komoditi seperti getah dan timah yang harganya sering dieksploitasi oleh negara maju, Malaysia pasti tidak mengalami pertumbuhan ekonomi seperti sekarang.

"Dalam keadaan demikian, sudah tentu ekonomi negara akan terus dimanipulasi oleh negara maju dengan mudah mengawal turun naik harga komoditi itu. Hakikat hari ini jelas harga timah semakin menurun manakala harga getah pula berada di paras rendah.

"Oleh itu, keputusan kerajaan untuk menjadikan industri sebagai kegiatan utama ekonomi negara ternyata langkah bijak dan tepat. Pada masa yang sama, kerjasama dan persefahaman sektor awam dan swasta membantu menjamin kejayaan itu," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan beriya me-

ngubah bentuk perhubungan sektor awam dan swasta yang sebelum ini sering bertelagah akibat peninggalan pentadbiran penjajah.

Katanya, kerjasama dua-dua sektor itu mencapai kemuncaknya apabila kerajaan memperkenalkan Dasar Persyarikatan Malaysia pada 1983 setelah meneliti rahsia kejayaan ekonomi Jepun, menerusi Dasar Padang Ke Timur.

Dr Mahathir juga memuji kakitangan awam dalam membantu pelaksanaan dasar kerajaan selepas negara mencapai kemerdekaan.

"Kesedaran yang diterap kepada kakitangan awam bahawa gaji mereka sebenarnya dibayar oleh sektor swasta juga menunjukkan kerjasama itu perlu dipereratkan.

"Jika sektor swasta membuat keuntungan, limpahan keuntungan itu turut dinikmati oleh mereka dalam bentuk peningkatan ganjaran," katanya.